

CNS6138
U GB 11-03 00181 BA815
aab

Mahathir - Hudud
HUDUD DITERIMA JIKA BENAR-BENAR MENGIKUTI HUKUM ISLAM

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan hanya menerima undang-undang mengenai hukum hudud yang digubal oleh PAS sekiranya ia diakui oleh golongan yang arif dalam agama Islam sebagai benar-benar mengikuti ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, ini kerana undang-undang yang dibuat PAS tidak adil dan mempunyai kepentingan yang berlainan daripada hukum agama yang sebenar.

Beliau berkata kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri, akan memilih golongan bijak pandai Islam khusus bagi mengkaji undang-undang berkenaan.

"Kita dapati undang-undang PAS dibuat kerana ada kepentingan yang lain daripada agama. Kita memerlukan orang yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik atau kepentingan lain...hanya mengkaji dari segi agama, jenayah dan lain-lain," katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Paediatric di Hospital Kuala Lumpur di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, telah menerima kad Hari Raya qurgasi yang ditandatangani kanak-kanak yang menerima rawatan di institut berkenaan. --
Lagi.

11/03/12-42MST

CNS6174

R GB 11-03 00119 BA824
aab

Mahathir - Hudud 2 Kuala Lumpur

Semasa mengadakan lawatan ke Kelantan baru-baru ini, Dr Mahathir meminta rakyat negeri itu menolak undang-undang berkenaan kerana ia tidak mengikut syariah.

Beliau juga berkata sebuah badan, yang dianggotai golongan yang arif mengenai Islam, undang-undang dan jenayah, perlu ditubuhkan bagi mengkaji secara mendalam undang-undang itu.

Katanya, undang-undang PAS tidak adil dan undang-undang yang tidak adil tidak berpunca daripada Islam.

"Ta berpunca daripada PAS untuk menunjukkan kononnya mereka berpegang kuat kepada agama Islam," katanya.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai "plagiarisme" yang didakwa dilakukan seorang profesor Universiti Malaya baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau tidak suka amalan itu kerana ia tidak baik. -- Lagi.

11/03/13-19MST

CNS6176

R GB 11-03 00076 BA825
aab

Mahathir - Hudud 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, pihak berkuasa yang terbabit tidak patut meringan-ringankan perkara itu.

Ketika ditanya sama ada siasatan perlu dijalankan, beliau berkata, terserahlah kepada universiti terbabit untuk berbuat demikian.

Yang turut hadir ialah Pengarah hospital itu, Datuk Haji Abdul Aziz Mahmud, Ketua institut itu, Datuk Dr Mahmud Mohamed Noor dan Ketua Jabatan Paediatric, Dr Sham Kassim. -- Bernama

RA NMO

11/03/13-22MST